

UJIAN AKHIR TAHUN

BAHAGIAN A

(20 markah)

Jawab **semua** soalan. Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Maklumat berikut berkaitan sebuah kerajaan.

Kota Trowulan merupakan pusat kerajaan X pada abad ke-13.

Kerajaan X merujuk kepada kerajaan

- A Majapahit C Srivijaya
B Funan D Angkor

2. Mengapakah kerajaan Gangga Nagara sering dikunjungi oleh pedagang luar sejak abad kelima?

- A Merupakan pusat keagamaan agama Buddha.
B Kekayaan hasil bumi seperti emas dan bijih timah.
C Merupakan pusat pengajian agama Islam.
D Mempunyai pelabuhan yang lengkap dengan kemudahan.

3. Pilih pernyataan yang betul tentang sistem pemerintahan kerajaan Funan.

- A Funan dibahagikan kepada lima buah wilayah.
B Ketua wilayah di Funan digelar sebagai Raja Muda.
C Ketua wilayah terdiri daripada rakyat Funan.
D Raja Funan dibantu oleh golongan agama dan tentera.

4. Mengapakah sebahagian besar kawasan Alam Melayu ditanam dengan padi?

- I Mempunyai tanah yang subur.
II Merupakan makanan ruji penduduk.
III Tujuan untuk dijual dan dipasarkan.
IV Sungai membekalkan air untuk pengairan padi sawah.

- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D I, II, III dan IV

5. Apakah kepentingan bahasa dan tulisan kepada perkembangan masyarakat?

- I Sebagai alat komunikasi.
II Menyimpan rekod-rekod pemerintahan.
III Menjadi sumber rujukan dan dokumentasi.
IV Merekod undang-undang kerajaan.

- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D I, II, III dan IV

6. Maklumat berikut berkaitan batu bersurat kerajaan Alam Melayu pada abad ketujuh.

Batu bersurat Karang Brahi

Batu bersurat di atas mengisahkan tentang

- A Pemerintahan Jayavarman II.
B Keagamaan Hindu.
C Kepentingan taat setia terhadap raja.
D Doa dan amalan dalam agama Buddha.

7. Penyembahan kepada roh nenek moyang yang telah meninggal dunia dipanggil

- A hyang C semangat
B mana D miring

8. Pernyataan berikut merupakan perkembangan agama di kerajaan Champa, kecuali

- A Bhadravarman mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son.
B Penemuan arca-arca Buddha di Lembah Kinta.
C Candi Dong Duong ialah bukti penyebaran agama Buddha.
D Semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin, Islam mula tersebar luas.

9. Maklumat berikut merupakan peranan dan tugas pembesar Z di Kesultanan Melayu Melaka.

- Penasihat raja
- Ketua hakim

Pembesar Z di atas dikenali sebagai

- A Bendahara
B Laksamana
C Temenggung
D Penghulu bendahari

10. Adat Temenggung merupakan undang-undang adat dalam sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Pilih pernyataan yang betul tentang Adat Temenggung.

- I Takhta kerajaan diwarisi oleh anak lelaki yang sulung.
II Mengamalkan sistem pemerintahan beraja.
III Mengandungi undang-undang Islam.
IV Membolehkan sistem perwarisan takhta berlaku secara teratur.

- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D I, II, III dan IV

11. Apakah strategi yang diambil oleh pemerintah Kesultanan Johor Riau untuk menghadapi cabaran yang menggugat kedaulatannya?

- I Pemindahan pusat pemerintahan.
 - II Membina kota pertahanan.
 - III Menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka.
 - IV Menjalinkan hubungan dengan Belanda.
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D I, II, III dan IV

12. Berikut merupakan karya-karya yang dihasilkan oleh Kesultanan Johor Riau.

- *Tuhfat al-Nafis*
- *Salasilah Melayu dan Bugis*

Siapakah yang mengarang karya tersebut?

- A Tun Hisap Misai
- B Tun Seri Lanang
- C Raja Ahmad
- D Raja Ali Haji

13. Sultan Ala'iddin Suleiman Shah (1898 – 1938) merupakan Sultan Selangor yang masyhur. Apakah sumbangan baginda kepada Selangor?

- A Mengguna pakai undang-undang baru.
- B Membina banyak rumah dan kedai.
- C Menubuhkan mahkamah syariah.
- D Menubuhkan pasukan polis.

14. Pilih pasangan yang betul tentang mata wang yang diguna oleh negeri-negeri Melayu.

	Negeri-negeri Melayu	Mata wang
A	Perak	Wang syiling
B	Pahang	Mata wang bidor
C	Terengganu	Mata wang pitis
D	Selangor	Mata wang tampang

15. Sultan Kelantan, Sultan Muhammad II (1837 – 1886) telah mengasaskan _____ sebagai pusat pemerintahan pada tahun 1844.

- A Kota Bahru
- B Kota Kubang Labu
- C Kota Pangkalan Datu
- D Kota Siputih.

16. Pelabuhan menjadi asas kepada pembentukan hubungan dengan pedagang tempatan dan luar. Pangkalan Kuala Merbok merupakan pelabuhan yang dibina di kerajaan

- A Kelantan
- B Kedah
- C Perlis
- D Negeri Sembilan

17. Maklumat berikut merupakan undang-undang Islam di Kelantan.

Hukum Maksiat di Kelantan

Pilih pernyataan yang betul tentang undang-undang di atas.

- I Ditulis pada abad ke-19.
 - II Memperkenalkan enakmen zakat.
 - III Melarang perbuatan laga lembu.
 - IV Melarang persembahan menora.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

18. Kebanyakan rumah tradisional Melayu memiliki tebar layar berbentuk "V" terbalik yang penuh dengan nilai kesenian.

Kesenian di atas merupakan warisan

- A seni ukir
- B seni bina
- C seni pertukangan
- D seni kraf tangan


19. Gambar berikut merupakan tarian masyarakat Sabah yang bernama Sumazau.



Sumazau ialah tarian kaum

- A Bajau C Kadazandusun
- B Iban D Murut

20. Gambar di bawah menunjukkan perahu yang dipanggil Lapa.



Pilih pernyataan yang berkaitan dengan Lapa.

- I Perahu yang dibuat oleh Bajau/Sama.
 - II Untuk mengangkut barangan.
 - III Dijadikan tempat kediaman.
 - IV Bahagian atapnya diperbuat daripada daun nipah.
- A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D I, II, III dan IV